



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM  
BIL. 1 TAHUN 2001**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM  
PEMANTAUAN PENGUATKUASAAN UNDANG-  
UNDANG DI PERINGKAT PENTADBIRAN DAERAH**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
JULAI 2001**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62505 PUTRAJAYA

*Telefon:* 2321957  
*Kawat:* PERDANA  
*Fax:* 2984172

---

*Ruj.Kami :* UPTM 159/303/2781 KL  
*Tarikh :* 1 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM  
BILANGAN 1 TAHUN 2001**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMANTAUAN  
PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT  
PENTADBIRAN DAERAH**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan sistem pemantauan penguatkuasaan undang-undang di peringkat pentadbiran daerah.

**RASIONAL**

2. Pihak Kerajaan memberi perhatian serius kepada usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Ini adalah kerana pelanggaran undang-undang yang tidak dikawal boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan menjejaskan kredibiliti Kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang yang telah digubal. Oleh itu langkah-langkah perlu dipergiatkan oleh semua agensi penguatkuasa supaya pelanggaran undang-undang dapat dikurangkan atau dibendung.

3. Penyelesaian masalah penguatkuasaan undang-undang adalah lebih berkesan jika boleh ditangani di peringkat akar umbi atau di peringkat bawah sebelum masalah ini merebak menjadi masalah nasional. Bagi menjaga kesejahteraan daerah, usaha penguatkuasaan undang-undang ini juga memerlukan penglibatan daripada berbagai kumpulan iaitu dari orang awam, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Penghulu dan juga badan-badan bukan Kerajaan (NGO) di peringkat daerah untuk menyampaikan maklumat. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan sistem pemantauan penguatkuasaan undang-undang yang dicadangkan ini adalah wajar diterajui oleh Pegawai Daerah selaku Ketua Pentadbir bagi daerah berkenaan.

## **SISTEM PEMANTAUAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

4. Sistem Pemantauan Penguatkuasaan Undang-undang (SPPU) ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu mekanisme yang bersepadu bagi menangani masalah-masalah penguatkuasaan undang-undang di peringkat pentadbiran daerah. Di antara ciri-ciri utama SPPU ini adalah:

- (a) Mengenal pasti sebuah jawatankuasa yang sesuai sama ada dengan mewujudkan sebuah jawatankuasa baru ataupun menggunakan jawatankuasa yang sedia ada untuk memantau penguatkuasaan undang-undang;
- (b) Mesyuarat jawatankuasa berkenaan hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dengan keahliannya terdiri daripada semua agensi penguatkuasaan di peringkat daerah; dan
- (c) Bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap tiga bulan sekali untuk agensi-agensi penguatkuasaan melaporkan kepada Pegawai Daerah mengenai pelanggaran undang-undang di daerah berkenaan untuk diselaraskan usaha yang memerlukan tindakan bersepadu. Seterusnya Pegawai Daerah akan melaporkan ke peringkat jawatankuasa negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, sekiranya terdapat masalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah.

5. Adalah diharapkan bahawa menerusi pelaksanaan SPPU ini, maklumat mengenai pelanggaran undang-undang yang terkumpul dapat menjadi input kepada Pegawai Daerah dalam perancangan untuk pembangunan sosio-ekonomi yang lebih seimbang. Di samping itu, maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk perancangan dalam mengambil langkah-langkah pro aktif untuk menangani masalah pelanggaran undang-undang.

6. Panduan terperinci mengenai SPPU ini adalah seperti dijelaskan dalam 'Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pemantauan Penguatkuasaan Undang-undang (SPPU) Di Peringkat Pentadbiran Daerah' yang disertakan di [Lampiran](#) kepada Pekeliling ini.

### **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

### **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.



(TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN)  
Ketua Setiausaha Negara

Lampiran kepada Pekeliling  
Kemajuan Pentadbiran Awam  
Bil. 1 Tahun 2001

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM  
PEMANTAUAN PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG (SPPU)  
DI PERINGKAT PENTADBIRAN DAERAH**

Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia  
(MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri

## KANDUNGAN

*Muka Surat*

(a)	TUJUAN	5
(b)	LATAR BELAKANG	5
(c)	JENTERA PEMANTAUAN SPPU	5
(d)	SKOP PELANGGARAN UNDANG-UNDANG YANG DIPANTAU OLEH SPPU	7
(e)	FAEDAH DARIPADA PELAKSANAAN SPPU	7
(f)	PROGRAM PELAKSANAAN SPPU	8
	Peringkat 1: Persediaan Sebelum Pelaksanaan SPPU	8
	Peringkat 2: Pelaksanaan SPPU	9
(g)	PENUTUP	9
SENARAI LAMPIRAN		
	LAMPIRAN 1: Contoh Risalah Untuk Publisiti	12
	LAMPIRAN 2: Contoh Borang Aduan	13
	LAMPIRAN 3: Garis Panduan Pelaksanaan Pemantauan Penguatkuasaan Undang-undang (SPPU) Untuk Pegawai dan Staf Pejabat Daerah	14
	LAMPIRAN 4: Format Laporan Bulanan Oleh Agensi Peringkat Daerah Kepada Urus Setia (Jawatankuasa Di Peringkat Daerah)	17
	LAMPIRAN 5: Format Laporan Oleh Urus Setia (Jawatankuasa Di Peringkat Daerah) Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Di Peringkat Negeri	18

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PEMANTAUAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT PENTADBIRAN DAERAH**

## **TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan sistem pemantauan penguatkuasaan undang-undang (SPPU) dalam pentadbiran daerah dan kaedah pelaksanaannya di semua Pejabat Daerah.

## **LATAR BELAKANG**

2. Pelaksanaan SPPU merupakan satu lagi usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses penguatkuasaan undang-undang agensi-agensi Kerajaan daerah khususnya dalam menangani isu pelanggaran undang-undang. Kerajaan merasakan bahawa penyelesaian isu-isu dan masalah penguatkuasaan undang-undang adalah lebih berkesan jika ditangani dari peringkat akar umbi atau di peringkat bawah, iaitu di peringkat daerah sebelum masalah itu merebak menjadi masalah nasional. Idea pewujudan SPPU ini adalah hasil daripada pemerhatian YAB Perdana Menteri bahawa terdapatnya peningkatan insiden pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan Kerajaan secara terbuka. Keadaan ini sekiranya tidak dibendung boleh menjejaskan imej Kerajaan di samping memberi mesej bahawa pentadbiran undang-undang yang dilaksanakan tidak berkesan.

3. Pada masa ini, tindakan terhadap kes pelanggaran undang-undang sebahagian besarnya adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui rondaan harian pegawai penguatkuasa agensi Kerajaan. Tugas pemantauan penguatkuasaan seperti ini amat membebankan Kerajaan dari segi kos, personel dan masa. Oleh itu, Kerajaan ingin menarik penyertaan yang lebih aktif daripada orang awam dan badan bukan Kerajaan (NGO) dalam penguatkuasaan undang-undang di negara ini, khususnya di peringkat daerah.

## **JENTERA PEMANTAUAN SPPU**

4. SPPU merupakan satu sistem pemantauan berpusat tentang penguatkuasaan undang-undang di peringkat daerah. Pelaksanaan SPPU akan diselaras oleh satu mesyuarat jawatankuasa yang perlu dikenalpasti oleh Pegawai Daerah, iaitu sama ada mewujudkan satu jawatankuasa baru atau menggunakan jawatankuasa sedia ada. Jawatankuasa ini berperanan menentukan hala tuju dan dasar-dasar pelaksanaan SPPU di peringkat daerah.

5. Bagi melaksanakan peranan pemantauan penguatkuasaan undang-undang, tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh mesyuarat jawatankuasa ini termasuklah:

- (a) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap tiga bulan untuk membincang dan menganalisis laporan pelanggaran undang-undang yang dikemukakan oleh agensi-agensi di peringkat daerah;

- (b) Membincangkan isu-isu semasa atau masalah-masalah penguatkuasaan undang-undang di peringkat daerah;
- (c) Merangka pelan tindakan/strategi bagi mengatasi masalah-masalah penguatkuasaan undang-undang yang dihadapi;
- (d) Menyelaras dan memberi arahan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk melaksanakan pelan tindakan yang diputuskan oleh mesyuarat jawatankuasa berkenaan;
- (e) Mengkaji prestasi kemajuan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi di peringkat daerah; dan
- (f) Menyediakan laporan kepada mesyuarat jawatankuasa di peringkat negeri sekiranya maklumat pelanggaran undang-undang yang dipantau menunjukkan trend yang kerap berulang yang memerlukan penyelesaian di peringkat pengurusan atasan.

6. Bersesuaian dengan peranan mesyuarat jawatankuasa ini, maka keahliannya hendaklah meliputi agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang beroperasi di peringkat daerah. Penentuan agensi penguatkuasa yang perlu menjadi ahli adalah bergantung kepada isu-isu pelanggaran undang-undang yang ingin dipantau dan boleh ditetapkan oleh Pegawai Daerah.

7. Pelaksanaan konsep SPPU ini ditunjukkan seperti di **Rajah 1**. Pusat operasi sistem ini ialah Pejabat Daerah di mana Pegawai Daerah dilantik sebagai pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan SPPU. Di bawah sistem ini, Pejabat Daerah akan menjalankan beberapa fungsi penting iaitu:

- (a) Mengumpul maklumat pelanggaran undang-undang daripada orang awam dan menyalurkannya kepada agensi penguatkuasa untuk tindakan;
- (b) Menyelaras laporan bulanan daripada agensi penguatkuasa untuk dibincang dan dibuat keputusan; dan
- (c) Kes pelanggaran undang-undang atau peraturan yang tidak dapat diselesaikan oleh mesyuarat jawatankuasa berkenaan, hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.

8. Sumber maklumat yang dipantau oleh SPPU ialah aduan daripada orang awam dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Oleh itu, di bawah sistem ini orang awam dan NGO akan digalakkan mengemukakan laporan ke Pejabat Daerah mengenai mana-mana kejadian pelanggaran undang-undang yang berlaku. Orang awam juga boleh mengemukakan laporan terus kepada agensi penguatkuasa atau melalui Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). Aduan yang disampaikan oleh orang awam kepada JKKK akan disampaikan oleh Penghulu kepada Pejabat Daerah untuk tindakan.

9. Di bawah SPPU, semua agensi penguatkuasa undang-undang di peringkat daerah akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah untuk mengumpul dan menguruskan maklumat. Dalam hal ini, agensi penguatkuasa akan merekod dan mengambil tindakan ke atas semua aduan awam, sama ada yang diterima melalui Pejabat Daerah atau terus daripada

orang awam dan NGO. Selanjutnya, agensi berkenaan perlu mengemukakan laporan bulanan khusus mengenai pelanggaran undang-undang serta tindakan yang telah diambil kepada Pejabat Daerah bagi dibentangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa berkenaan.

### **SKOP PELANGGARAN UNDANG-UNDANG YANG DIPANTAU OLEH SPPU**

10. Di bawah SPPU, Pegawai Daerah dengan persetujuan mesyuarat jawatankuasa yang memantau penguatkuasaan undang-undang akan menentukan jenis-jenis pelanggaran undang-undang yang ingin dipantau di sesuatu daerah. Masalah pelanggaran yang dipantau ini mestilah masalah yang dianggap penting yang boleh menjejaskan kepentingan ekonomi negara, kesejahteraan masyarakat setempat dan imej Perkhidmatan Awam. Sebagai misalan, pemantauan kepada pelanggaran undang-undang berikut boleh diberi keutamaan:

- (a) Undang-undang Alam Sekitar: pencemaran sungai/laut/udara melalui aktiviti seperti pembakaran terbuka, pembuangan sampah di sungai/pantai, pengeluaran asap berlebihan daripada kenderaan/kilang-kilang, dan perilupusan sisa toksid;
- (b) Undang-undang Tanah: kegiatan mencuri pasir, pencerobohan tanah Kerajaan, pembinaan rumah haram/setinggalan, dan pelanggaran syarat penggunaan tanah;
- (c) Undang-undang Perhutanan: pembalakan haram, pencerobohan hutan simpan, dan kegiatan mencuri hasil hutan/pembalakan haram; dan
- (d) Undang-undang Jenayah: jenayah menggunakan senjata api, jenayah oleh pendatang asing, dan kegiatan merosakkan harta awam.

### **FAEDAH DARIPADA PELAKSANAAN SPPU**

11. Pelaksanaan SPPU akan membantu Pejabat Daerah dan agensi penguatkuasa meningkatkan keberkesanan pelaksanaan undang-undang di peringkat daerah. Maklumat yang dikumpul dari sistem ini boleh digunakan bagi berbagai tujuan, di antaranya:

- (e) Merancang dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk menangani masalah pelanggaran undang-undang;
- (f) Menjadi input kepada perancangan bagi mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang;
- (g) Mengukur keberkesanan undang-undang dan peraturan serta mengambil langkah-langkah pembetulan dan pencegahan;
- (h) Menjadi petunjuk prestasi agensi-agensi penguatkuasa;
- (i) Menyediakan maklum balas mengenai keberkesanan undang-undang bagi urusan pindaan undang-undang;
- (j) Menyediakan maklumat bagi tujuan audit pengurusan;



- (k) Memberi maklumat tentang perlakuan masyarakat dan persepsi mereka terhadap undang-undang yang berhubung kait dengan perkhidmatan yang disediakan; dan
- (l) Menimbulkan kesedaran dan komitmen pihak pengurusan untuk merancang langkah-langkah mengatasi masalah penguatkuasaan yang berlaku.

## **PROGRAM PELAKSANAAN SPPU**

12. Pelaksanaan projek SPPU ini melibatkan dua peringkat tindakan, iaitu peringkat persediaan sebelum pelaksanaan SPPU dan peringkat pelaksanaan SPPU.

### **Peringkat 1: Persediaan Sebelum Pelaksanaan SPPU**

#### ***Pejabat Daerah***

13. Bagi melaksanakan sistem ini, Pejabat Daerah dikehendaki membuat persediaan seperti berikut:

- (a) Menetapkan pegawai dan staf tertentu untuk mengendalikan aduan awam dan menguruskan maklumat/data SPPU ;
- (b) Membuat publisiti kepada orang awam tentang pelaksanaan SPPU. Publisiti ini boleh dilakukan melalui sesi penerangan dan pengedaran risalah. Contoh risalah yang boleh disediakan adalah seperti di **Lampiran 1**. Publisiti ini juga boleh dipanjangkan kepada ahli-ahli pemimpin masyarakat, JKKK dan kumpulan NGO tempatan;
- (c) Menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk membuat aduan. Kemudahan ini meliputi penyediaan Borang Aduan seperti di **Lampiran 2** dan kemudahan komunikasi seperti hotline, faksimili dan laman web;
- (d) Memberi latihan kepada pegawai dan staf yang terlibat dengan pengendalian SPPU. Bagi memudahkan sesi latihan ini, satu dokumen panduan pelaksanaan SPPU hendaklah disediakan untuk rujukan pegawai dan staf yang terlibat. Contoh panduan ini ialah seperti di **Lampiran 3**;
- (e) Menyelaras persiapan-persiapan bagi pelaksanaan SPPU dengan agensi-agensi Kerajaan di peringkat daerah; dan
- (f) Menubuhkan jawatankuasa baru atau menetapkan jawatankuasa sedia ada di peringkat daerah yang akan memantau penguatkuasaan undang-undang.

#### ***Agensi Penguatkuasa Peringkat Daerah***

14. Bagi melaksanakan sistem ini, agensi penguatkuasa peringkat daerah dikehendaki membuat persediaan seperti berikut:

- (a) Menetapkan pegawai dan staf tertentu untuk mengendalikan aduan awam dan menguruskan maklumat/data SPPU;

- (b) Memberi penerangan kepada pegawai dan staf yang terlibat tentang tanggungjawab mereka dari segi:
  - (i) Mengambil tindakan ke atas aduan awam yang diterima dari Pejabat Daerah;
  - (ii) Menyalurkan aduan tersebut kepada Bahagian-bahagian yang berkaitan dalam organisasi mereka untuk tindakan; dan
  - (iii) Menyedia dan mengemukakan laporan bulanan kepada mesyuarat jawatankuasa di peringkat daerah yang akan memantau penguatkuasaan undang-undang.

## **Peringkat 2: Pelaksanaan SPPU**

### ***Pejabat Daerah***

15. Pada peringkat ini Pejabat Daerah dikehendaki mengambil empat tindakan berikut:

- (a) Menerima aduan pelanggaran undang-undang daripada orang ramai;
- (b) Menyalurkan aduan tersebut kepada agensi penguatkuasa untuk tindakan;
- (c) Mengumpul laporan bulanan daripada agensi penguatkuasa untuk pembentangan dalam mesyuarat jawatankuasa di peringkat daerah yang akan memantau penguatkuasaan undang-undang. Format laporan bulanan ini ditunjukkan di **Lampiran 4**; dan
- (d) Mengemukakan laporan kes pelanggaran undang-undang yang tidak dapat diselesaikan oleh mesyuarat jawatankuasa di peringkat daerah yang akan memantau penguatkuasaan undang-undang kepada mesyuarat jawatankuasa di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Format laporan ini adalah seperti di **Lampiran 5**.

### ***Agensi Penguatkuasa Peringkat Daerah***

16. Agensi penguatkuasa peringkat daerah pula perlu mengambil tindakan-tindakan berikut:


- (a) Menerima dan mengambil tindakan terhadap aduan awam yang disalurkan oleh Pejabat Daerah. Tindakan yang serupa juga dilakukan terhadap aduan yang diterima oleh agensi penguatkuasa secara langsung daripada orang awam; dan
- (b) Menyediakan laporan bulanan kemajuan tindakan yang diambil ke atas aduan awam dan seterusnya menyampaikan laporan itu kepada Pejabat Daerah dalam pembentangan kepada mesyuarat jawatankuasa di peringkat daerah yang akan memantau penguatkuasaan undang-undang.

## **PENUTUP**

17. SPPU adalah salah satu usaha penting bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Usaha ini membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan sistem penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Bagi menjayakan projek SPPU ini, semua pihak perlu memberi sokongan dan kerjasama, terutamanya Setiausaha Kerajaan Negeri, agensi penguatkuasa, pegawai dan staf Pejabat Daerah, Penghulu dan orang awam serta NGO.

Rajah 1

Sistem Pemantauan Penguatkuasaan Undang-undang  
(SPPU) Di Peringkat Pentadbiran Daerah



**8** POLIS DI RAJA MALAYSIA

- Perhimpunan haram
- Judi dan nombor ekor
- VCD lucah

**9** JABATAN AGAMA ISLAM

- Berceraai di luar Mahkamah/tanpa kebenaran
- Poligami tanpa kebenaran
- Khalwat
- Lelaki berkelakuan perempuan

**10** JABATAN KASTAM DAN EKSASIS DI RAJA

- Penyeludupan



**BAGAIMANA  
UNTUK  
MELAPOR ?**

Anda boleh  
membuat  
laporan kepada:

Pejabat Daerah Seberang  
Perai Tengah  
Jalan Betik, Sungai Rambai  
14000, Bukit Mertajam  
PULAU PINANG



Melalui :  
Borang Aduan  
Atau

No. Telefon : 04 - 5301939/  
5381963/5389506  
No. Fax : 04 - 5399549

**LAPORKAN  
SEGERA  
PELANGGARAN  
UNDANG-UNDANG**

**DI DAERAH  
ANDA**



Pihak Kerajaan ingin memantau pelanggaran undang-undang di peringkat daerah sebagai usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Oleh itu orang ramai diminta melaporkan segera sebarang pelanggaran undang-undang kepada pihak berkuasa.

**BORANG ADUAN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG**

<b>MAKLUMAT PERIBADI</b>		
Nama Pengadu	:	.....
No. K.P.	:	.....
Alamat Pos	:	.....
No. Telefon/Fax/	:	.....
e-mail		..... .....
<b>ADUAN</b>		
<b>Aduan</b>	<b>Butir-butir Kejadian</b>	
	<b>Tempat</b>	<b>Tarikh/Masa</b>
Tarikh: ..... Tandatangan: .....		
Sila catatkan aduan dan kemukakan ke Pejabat Daerah .....		
Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja Nama Penerima Aduan: ..... Jawatan: .....		

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN SISTEM PEMANTAUAN PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG (SPPU)  
UNTUK PEGAWAI DAN STAF PEJABAT DAERAH**

**TUJUAN**

Tujuan garis panduan ini ialah untuk menjelaskan kepada pegawai dan staf Pejabat Daerah mengenai proses kerja bagi melaksanakan SPPU.

**PROSES KERJA**

2. Bagi melaksanakan SPPU, pegawai dan staf Pejabat Daerah perlu melaksanakan lima proses kerja seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1**.

**PROSES 1 : Menerima Aduan Awam**

3. Pegawai dan staf Pejabat Daerah yang menerima aduan awam dikehendaki mengambil tindakan berikut, bersesuaian dengan cara aduan disampaikan:

*Aduan diterima melalui Borang Aduan/surat biasa*

- (a) Mencatatkan tarikh terima di atas Borang Aduan/surat aduan; dan
- (b) Menyerahkan borang kepada Pegawai Bertugas SPPU.

*Aduan diterima melalui talian hotline/telefon/pengadu hadir sendiri*

- (a) Merekodkan aduan dalam borang aduan; dan
- (b) Menyerahkan borang tersebut kepada Pegawai Bertugas SPPU.

*Aduan diterima melalui website/e-mail*

- (a) Mencetak aduan daripada *website* berkenaan; dan
- (b) Menyerahkan aduan yang telah dicetak (*hard copy*) kepada Pegawai Bertugas SPPU.

**PROSES 2 : Menyalur Aduan Awam Kepada Agensi Penguatkuasa**

4. Setelah menerima dokumen-dokumen aduan daripada Proses 1, Pegawai Bertugas SPPU dikehendaki mengambil tindakan berikut:

- (a) Membuat salinan dokumen aduan (untuk simpanan Pejabat Daerah);
- (b) Meneliti kandungan aduan bagi menentukan agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan;

- (c) Menghantar dokumen aduan kepada agensi penguatkuasa yang berkaitan (salinan asal);
- (d) Membuat catatan di atas dokumen salinan Pejabat Daerah tarikh aduan dihantar ke agensi penguatkuasa; dan
- (e) Memfailkan salinan dokumen aduan untuk rekod pejabat.

**PROSES 3 : Menganalisa Laporan Bulanan Daripada Agensi Penguatkuasa**

5. Pegawai Bertugas SPPU dikehendaki mengambil tindakan berikut pada awal setiap bulan:

- (a) *(Dalam minggu pertama)* Memberi peringatan kepada agensi penguatkuasa supaya menghantar Laporan Bulanan Pelanggaran Undang-undang sepanjang bulan lepas (**Lampiran 4**);
- (b) Mengumpul Laporan Bulanan daripada agensi penguatkuasa; dan
- (c) Menyerah laporan kepada Pegawai Daerah untuk pembentangan di mesyuarat jawatankuasa di peringkat daerah.

**PROSES 4 : Membenteng Laporan Bulanan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Di Peringkat Daerah**

6. Setelah menerima Laporan Bulanan daripada agensi penguatkuasa; Pegawai Daerah dikehendaki:


- (a) Memanggil mesyuarat untuk bersidang;
- (b) Meminta agensi penguatkuasa berkaitan memberi penjelasan tentang perkara yang dilaporkan;
- (c) Membincangkan isu-isu yang dilaporkan, isu-isu semasa dan masalah penguatkuasaan undang-undang di peringkat daerah; dan
- (d) Membincangkan pelan tindakan bagi mengawal/ mencegah pelanggaran undang-undang di daerah berkenaan.

**PROSES 5 : Mengemukakan Maklumat Kepada Mesyuarat Jawatankuasa di Peringkat Negeri**

7. Dalam mesyuarat jawatankuasa di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang difikirkan sesuai, Pegawai Daerah dikehendaki mengemukakan laporan tentang kes pelanggaran undang-undang yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah. Laporan dibuat melalui format seperti di **Lampiran 5**.



**Rajah 1: Proses Tindakan Oleh Pegawai Dan Staf Pejabat Daerah Untuk Melaksanakan SPPU**



#### Lampiran 4

### FORMAT LAPORAN BULANAN OLEH AGENSI PERINGKAT DAERAH KEPADA URUS SETIA (JAWATANKUASA DI PERINGKAT DAERAH)

Daerah :

Bulan :

Jabatan dan Jenis Pelanggaran Undang- undang/Peraturan Mengikut kategori  (1)	Bil. Kes yang Diterima  (2)			Bil. Kes Selesai  (3)	Bil. Kes Belum Selesai  (4)	Penjelasan Ke Atas Kes Yang Belum Selesai  (5)
	Bil. Kes Yang Lepas	Bil. Kes Bulan Ini	Jumlah Kes			
<b>JUMLAH</b>						

**FORMAT LAPORAN OLEH  
URUS SETIA (JAWATANKUASA DI PERINGKAT DAERAH) KEPADA  
MESYUARAT JAWATANKUASA DI PERINGKAT NEGERI**

Daerah :

Bulan :

Jabatan dan Jenis Pelanggaran Undang- undang/Peraturan Mengikut kategori (1)	Bil. Kes yang Diterima (2)			Bil. Kes Selesai (3)	Bil. Kes Belum Selesai (4)	Penjelasan Ke Atas Kes Yang Belum Selesai (5)
<b>JUMLAH</b>						